



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**
Tel. : **03-8870 0015**
Faks : **03-8870 0908**
E-mel : **komunikasi@sprm.gov.my**
Web : **www.sprm.gov.my**
Twitter : **twitter.com/SPRMMalaysia**
Facebook: **facebook.com/sprm.benci.rasuah**
Youtube : **www.youtube.com/odvmaacc**

KENYATAAN MEDIA KETUA PESURUHJAYA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

ADALAH pengetahuan umum bahawa pada 8 Januari lalu, saya telah mengadakan satu sidang akhbar selaku Ketua Pesuruhjaya mendedahkan, demi kepentingan awam, rakaman audio beberapa perbualan telefon tertentu.

Kini saya dapat tahu bahawa sebagai reaksi kepada pendedahan pada 8 Januari tersebut, satu komplot jenayah telah dimulakan untuk mereka (fabricate) dan mengedar material bertujuan untuk mencalar reputasi peribadi saya.

Kami percaya seorang peguam diantara lain yang terlibat menjadi dalang disebalik komplot ini.

Pegawai Khas saya akan membuat satu laporan polis awal pagi esok dan akan menyerahkan bukti berkenaan ini pada pihak polis.

Saya ingin menghantar satu mesej yang jelas kepada dalang-dalang disebalik ini, bahawa saya tidak tergugat atau terancam dalam terus melaksanakan tugas saya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Masyarakat umum telah meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap SPRM untuk membersihkan negara ini dari gejala rasuah.

Saya bercadang untuk meneruskan tugas ini, walauapapun serangan peribadi atau ugutan dibuat ke atas saya, kini atau dalam masa akan datang.

**LATHEEFA KOYA
KETUA PESURUHJAYA
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PUTRAJAYA
13 JANUARI 2020**